

Keratan Akhbar Mac 2019

7/03/2019

Kontraktor Lebuhraya Pan Borneo Sarawak diarah kenal pasti laluan berisiko

Tarikh kemaskini: 07/03/2019



MIRI, 7 Mac (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan kontraktor Lebuhraya Pan Borneo Sarawak untuk membuat penilaian risiko bagi mengenal pasti laluan yang berisiko mendap akibat faktor hujan sehingga menyukarkan pengguna jalan raya.

Menterinya, Baru Bian berkata, selain membuat penilaian risiko, kontraktor dalam Rakan Pelaksana Projek (PDP) dan Kontraktor Pakej Kerja (WPC) turut diarahkan untuk melaksanakan pelan pencegahan di kawasan-kawasan berisiko di Sarawak.

"Kementerian Kerja Raya akan memantau secara berkala bagi memastikan kerja-kerja pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak memenuhi spesifikasi dan aspek keselamatan yang ditetapkan,"katanya ketika sesi temu bual radio yang berlangsung di RTM Miri petang ini.

.....

10/03/2019

Final kejohanan badminton All England disiarkan secara langsung di RTM malam ini

Tarikh kemaskini: 10/03/2019



KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan menyiarkan secara langsung perlawanan beregu lelaki negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang mara ke final kejohanan badminton All England 2019 malam ini.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Gobind Singh Deo berkata RTM HD Sports di saluran TV1 akan membawa secara langsung acara itu bermula 7.30 malam.

"Tq. Saya telah semak. TV1 dan RTM HD Sports akan siar Live Badminton All England malam ini, 10 Mac, 7.30 malam. @SyedSaddiq," katanya dalam catatan di laman Twitter, hari ini.

Beliau berkata demikian dalam responsnya kepada pertanyaan seorang pengguna Twitter **Hormat Sikit Darjah 3** @scromix yang ingin tahu sama ada stesen televisyen tempatan akan menyiarkan perlawanan beregu Malaysia yang mara ke final itu secara langsung.

Awal pagi tadi, gandingan Aaron-Wooi Yik membuktikan gelaran 'pembunuh gergasi' yang menyaksikan pasangan Indonesia Fajar

Alfian-Muhammad Rian Ardianto menjadi mangsa pada aksi separuh akhir.

Dalam perlawanan yang berlangsung di Arena Birmingham, pasangan negara mengetepikan beregu Indonesia yang berada di ranking kesembilan dunia dengan 12-21, 22-20, 21-19.

-- BERNAMA

12/03/2019

RTM siar kejohanan MotoGP mulai 5 Mei - Gobind

Tarikh kemaskini: 12/03/2019



KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan menyiarkan secara langsung 10 sirkit terpilih daripada 19 sirkit keseluruhan kejohanan MotoGP 2019.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Gobind Singh Deo dalam catatan di laman Twitter, hari ini berkata RTM akan menyiarkan kejohanan itu mulai 5 Mei ini, membabitkan perlumbaan di Sirkit Jerez, Sepanyol.

Beliau berkata demikian sebagai membalas kiriman seorang pengguna akaun Twitter @ZDdie82 yang ingin menyaksikan secara langsung kejohanan itu di televisyen tempatan.

Pasukan MotoGP negara, Petronas Yamaha Sepang Racing Team (SRT) turut beraksi dalam Kejohanan MotoGP 2019 yang bermula Ahad lepas dan akan berakhir pada 18 Nov ini.

-- BERNAMA

12/03/2019

112 sertai Tilawah dan Hafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2019

Tarikh kemaskini: 12/03/2019



Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun (tiga, kanan) hadir pada Pra Pelancaran Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) 2019 di Dewan Majlis Perbandaran Seremban hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Fuziah Salleh (dua, kiri), Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Dr Razali Ab Malik (dua, kanan) dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) Mohd Zaidi Ramli (kanan).

SEREMBAN, 12 Mac (Bernama) -- Sejumlah 28 qari dan qariah akan mengambil bahagian pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) 2019 yang dijadual berlangsung dari 17 hingga 22 Mac di Dewan Majlis Perbandaran Seremban di sini.

Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun berkata majlis anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Kerajaan Negeri Sembilan dan beberapa agensi dan jabatan kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri itu turut menyaksikan penyertaan 84 orang bagi kategori menghafaz al-Quran.

"Untuk penganjuran kali ini, semua peserta kategori tilawah diwajibkan membaca al-Quran secara bertaranum dengan dua jenis lagu ditetapkan secara berturut-turut dan ia hanya akan diketahui oleh peserta ketika proses pengundian ayat," katanya dalam sidang media di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Fuziah Salleh.

Beliau berkata tujuannya ialah supaya peserta lebih mendalami ilmu taranum dalam al-Quran dan ia pastinya memberi nilai tambah kepada peserta yang akan menjadi johan nanti.

Aminuddin berkata pada majlis berkenaan yang akan dirasmikan

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Ahad depan dan penutup serta penyampaian hadiah pada 22 Mac oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Almarhum Tuanku Munawir, Negeri Sembilan turut menghantar lapan peserta menyertainya.

Penilaian MTHQK yang bertema 'Menyantuni Umat Membawa Rahmat' itu akan dibuat 16 hakim bagi kategori tilawah dan 17 hakim bagi kategori menghafaz.

Johan qari dan qariah akan menerima wang tunai RM15,000, tambahan tunai RM10,000 untuk menunaikan ibadah haji, cenderamata dan sijil penyertaan, naib johan qari dan qariah akan menerima wang tunai RM10,000, tambahan tunai RM10,000 untuk menunaikan ibadah haji, cenderamata dan sijil penyertaan.

Manakala tempat ketiga, mereka akan menerima wang tunai RM7,500, tambahan tunai RM10,000 untuk menunaikan ibadah haji, cenderamata dan sijil penyertaan serta hadiah saguhati iaitu wang tunai RM3,000, cenderamata dan sijil penyertaan.

Bagi kategori menghafaz al-Quran, hadiah terbahagi kepada tiga dengan hadiah utama bagi johan lelaki dan wanita yang menghafaz Juzuk 1 hingga 30 berupa wang tunai RM15,000, tambahan wang tunai RM10,000 untuk menunaikan haji, piala iringan dan akaun Al-Awfar RM20,000 tajaan Bank Islam Malaysia Berhad.

Bagi kategori menghafaz Juzuk 1 hingga 20, johan lelaki dan wanita akan menerima wang tunai RM7,000 serta tambahan wang tunai RM7,000 untuk menunaikan umrah manakala johan lelaki dan wanita menghafaz Juzuk 1 hingga 10 akan menerima wang tunai RM5,000 serta piala iringan.

"Selain itu, hadiah sumbangan kerajaan Negeri Sembilan pula ialah simpanan emas bernilai RM1,400 kepada johan, naib johan dan tempat ketiga bagi setiap kategori serta hadiah iringan, cenderamata dan sijil penyertaan kepada semua peserta termasuk para pemenang," kata Aminuddin.

MTHQK akan disiarkan secara langsung menerusi RTM dan TV AlHijrah serta beberapa station radio seperti Nasional FM dan IKIM FM pada pukul 8.30 pagi hingga 11 malam.

"Orang ramai dijemput hadir. Pelbagai program telah diatur antaranya siaran Tv LED skrin besar di perkarangan dewan, food truck, surau bergerak, khemah pameran dan persembahan khas pada setiap pagi dan malam sebagai acara selingan.

"Lapan buah bas disediakan untuk mengambil pengunjung daripada beberapa lokasi di Negeri Sembilan," katanya.

Johan tilawah dan menghafaz al-Quran itu akan mewakili Malaysia pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dari 15 hingga 20 April ini.

-- BERNAMA

12/03/2019

PM, isteri tonton tayangan perdana 'Raj of the East'.

Tarikh kemaskini: 12/03/2019



Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali ketika hadir ke Tayangan Perdana 'Raj Of The East' di TGV KLCC hari ini.

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Selepas seharian di Parlimen hari ini, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa malam ini menonton tayangan perdana filem 'Raj of the East'.

Dr Mahathir, yang ditemani isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di TGV Cinema, KLCC pada pukul 8.30 malam.

Filem semi biopik berkenaan ditulis, diarah serta diterbitkan oleh bekas penerbit dan pengarah RTM, Tan Sri Adam Kadir.

Raj of the East mengisahkan kehidupan Sir Hugh Clifford, yang datang ke Malaya pada 1883 pada usia 17 tahun dan memulakan kerjaya sebagai kadet yang berpangkalan di Perak sehingga menjadi Residen British di Pahang dan kemudiannya Gabenor Borneo Utara.

Adam mengambil masa hampir lima tahun membuat penyelidikan mengenai Clifford.

Penggambaran filem itu bermula awal tahun lepas dan kerja-kerja pasca produksi selesai awal tahun ini.

Filem berdurasi sejam 40 minit itu, mengisahkan Clifford sewaktu

muda telah jatuh cinta dengan wanita Cina bernama Nong, yang kematian suami setelah dibunuh semasa menemani Clifford dalam perjalanan ke Pattani, Thailand.

Bagaimanapun, kisah cinta Clifford dan Nong tidak berakhir dengan kebahagiaan setelah seorang Sultan terputut pada Nong yang jelita dan memaksanya mengahwini baginda dan dijadikan permaisurinya.

Model profesional yang menjadi pelakon, Carl Graham membawa watak Clifford manakala bekas eksekutif pengiklanan Ian Braig, memegang watak Clifford ketika tua.

Bekas Ratu Malaysia Chole Chan melakonkan watak Nong sewaktu muda manakala bekas Ratu Malaysia dan personaliti radio terkenal Yasmin Yusof memegang watak Nong semasa berusia.

Datuk Rahim Razali, Rashidi Ishak dan Ellie Suriati antara nama-nama besar yang terlibat dalam filem berkenaan.

-- BERNAMA

19/03/2019

Kerajaan ambil tindakan sewajarnya bantu mangsa serangan NZ - TPM

Tarikh kemaskini: 19/03/2019



Daripada Rhoma Ahmad Razali

PARIS, 19 Mac (Bernama) -- Kerajaan terutama menerusi Kementerian Luar telah melaksanakan tindakan sewajarnya bagi membantu rakyat Malaysia yang menjadi mangsa atau terkesan dalam insiden keganasan di dua masjid di Christchurch, New Zealand, Jumaat lepas.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, sejurus berita mengenai tragedi itu disiarkan, Kementerian Luar menerusi Menteri Datuk Saifuddin Abdullah telah mengeluarkan kenyataan untuk membantu keluarga mangsa.

"Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Pelbagai Hala Kementerian Luar (Datuk Nadzirah Osman) juga telah pergi ke New Zealand untuk memberikan bantuan kepada keluarga mangsa di sana.

"Jadi janganlah menyatakan seperti kerajaan tidak melakukan sepatutnya kerana kerajaan dan Kementerian Luar Negeri telah membuat apa yang perlu untuk membantu rakyat kita di sana," katanya kepada Bernama dan RTM di sini, pada Isnin.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris di Malaysia, semalam yang melaporkan mengenai kekecewaan anggota keluarga mangsa tragedi itu terhadap kekurangan bantuan daripada pihak berkuasa Malaysia di negara itu.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata beliau berkesempatan berhubung dengan anggota keluarga kepada dua mangsa tembakan itu iaitu Prof Dr Zurinawati Mohyi dan Noor Azila Abd Wahid.

Dr Wan Azizah berkata Zurinawati yang merupakan isteri kepada mangsa Mohd Nazril Hisham Omar dan Noor Azila isteri kepada Rahimi Ahmad menyatakan bahawa suami mereka berada dalam keadaan stabil selepas menjalani pembedahan.

"Saya difahamkan seorang lagi mangsa yang cedera, Mohd Tarmizi Shuib juga berada dalam keadaan stabil, namun kita masih lagi tidak mendengar khabar mengenai anaknya berusia 17 tahun yang masih hilang, kita harapkan dia akan ditemui dalam keadaan selamat," katanya.

Dalam sidang media yang sama, Dr Wan Azizah berkata beliau berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat Biro Pengurusan Transformasi Sosial (MOST) yang dipengeruskannya dan merakamkan penghargaan kepada semua anggota negara yang terlibat dalam menunjukkan komitmen untuk merealisasikan cadangan dan pelan tindakan yang dipersetujui berkaitan kajian dan pembangunan mengenai kemanusiaan dan sosial.

"Wakil Ketua Pengarah UNESCO, Angela Melo pada mesyuarat itu turut merakamkan penghargaan kepada Malaysia sebagai sebuah negara contoh susulan sumbangan dan kepimpinan dalam MOST khususnya sebagai presiden MOST bagi tempoh 2017-2019," katanya.

Selain mempengerusikan mesyuarat itu, Dr Wan Azizah yang dalam rangka lawatan kerja empat hari di negara ini bermula Ahad akan mempengerusikan Sesi ke-14 Majlis Antara Kerajaan bagi MOST yang akan berlangsung hari ini dan esok di bangunan ibu pejabat UNESCO di sini.

-- BERNAMA